

Utusan Malaysia
19 May 2017

U Mobile sasar 10% langgan insurans hayat mikro

KUALA LUMPUR 18 Mei - U Mobile Sdn. Bhd. menyasarkan lima hingga 10 peratus daripada lima juta pelanggannya akan melanggan insurans hayat mikro melalui kerjasama dengan penyedia insurans, Sun Life Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Wong Heang Tuck berkata, melalui kerjasama itu insurans hayat akan ditawarkan kepada pelanggan menerusi pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan menggunakan sepenuhnya platform digital.

"Pelanggan boleh memohon, melanggan dan mengurus sepe-

nuhnya pelan insurans hayat dengan telefon pintar jika merupakan pelanggan U Mobile. Dengan premium bulanan yang rendah, sudah pasti produk ini mampu dilanggan oleh semua golongan.

"Bayaran premium boleh dibuat melalui pelan pascabayar dan prabayar. Buat masa ini kami masih merangka pelan yang sesuai dan dijangka mula ditawarkan pada Oktober depan," katanya dalam sidang akhbar majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara U Mobile dan Sun Life Malaysia di sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sun Life Malaysia, Raymond Lew.

Terdahulu, MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Heang Tuck yang mewakili U Mobile sementara Sun Life Malaysia diwakili oleh Lew.

Dalam pada itu, Lew memberitahu, insurans tersebut meliputi tuntutan bagi kemalangan, kesihatan dan insurans hayat.

Katanya, visi Sun Life Malaysia adalah untuk membekalkan kestabilan kewangan sepanjang hayat melalui strategi saluran pengedaran yang pelbagai.